



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6200
Faks : 03-4047 6142
Laman Web : www.ptpk.gov.my
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my

Rujukan : PTPK.P&P.100-1/4/1(55)

Tarikh : 8 Februari 2022

**Pengarah Eksekutif / Pengarah / Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

Salam Kemahiran,

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN DANA SKIM PEMBIAYAAN
PERKASA TVET 2022 (PERKASA TVET 1.0)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) akan menguruskan Skim Pembiayaan Program Latihan Kemahiran PERKASA TVET 2022 (PERKASA TVET 1.0). Peruntukan yang diperuntukan untuk Dana PERKASA TVET 1.0 ini adalah sebanyak RM100 juta.

3. Dana PERKASA TVET 1.0 ini adalah khusus untuk membantu mereka yang ingin menguasai kemahiran baru atau peningkatan kemahiran yang diperlukan oleh industri dalam pengeluaran pekerja berkemahiran tinggi.

(Muka 1 dari 3)

(Sila Catatkan Rujukan Jabatan Ini Apabila Menjawab)

4. Butiran pelaksanaan PERKASA TVET 1.0 adalah seperti berikut:-
- (i) Program latihan kemahiran jangka pendek (kurang daripada 6 bulan) termasuk secara program penuh atau *modular* atau Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bergantung kepada permintaan majikan / industri di bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Penyedia Latihan Awam (PLA) / Penyedia Latihan Swasta (PLS) juga digalakkan untuk menawarkan kursus latihan secara '*value added*' bagi meningkatkan kebolehpekerjaan pelatih.
 - (ii) Pelatih diberikan penempatan pekerjaan/ peningkatan kerjaya terlebih dahulu oleh majikan dan menjalani latihan di PLA / PLS berdasarkan kepada konsep "*Place and Train*".
5. Permohonan ini **dibuka sehingga 30 Jun 2022** berdasarkan prinsip '***first come first served basis***' sehingga peruntukan Dana PERKASA TVET 1.0 digunakan sepenuhnya. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pelaksanaan Skim PERKASA TVET 1.0 untuk rujukan. Semua permohonan boleh dikemukakan melalui pautan https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSf3epmfJ0eLBbS5dYTRDuSWYSvqfxEK63e3WhmNBIGOYwJOVQ/viewform?usp=pp_url dan kemukakan ke alamat Urusetia PERKASA TVET 1.0, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) , Aras 18, Menara Dato'Onn, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur atau melalui emel ke alamat perkasatvet@ptpk.gov.my.

6. Sukacita dimaklumkan juga bahawa PTPK berhak untuk tidak meluluskan permohonan, menarik semula peruntukan, menyenaraihitamkan Penyedia Latihan sekiranya didapati permohonan tersebut mempunyai *fraud case* yang dibuktikan. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi Encik Ahmad Zamir bin Ahmad Zawawi di talian 013-229 7107 atau Puan Syaidatul Nuraiza binti Zahari di talian 03-4047 6188 atau perkasatvet@ptpk.gov.my untuk maklumat lanjut.

7. Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)